



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 19 SEPTEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	BADAN KHAS SELESAI ISU HARGA AYAM, BH -ONLINE PEKERJA SEKTOR TANAMAN SAYURAN TERIMA VAKSIN, BH -ONLINE BAJET 2022: SEKTOR PERTANIAN AKAN JADI KEUTAMAAN, ASTRO AWANI -ONLINE HARGA AYAM: PERLU ADA KESEIMBANGAN KOS DITANGGUNG RAKYAT, PENTERNAK, UM -ONLINE MINISTRY OF AGRICULTURE MIGHT PROVIDE IMPORTED FEED SUBSIDIES, CHINA PRESS -ONLINE SPECIAL BODY MUST BE SET UP TO ADDRESS ISSUE OF RISING CHICKEN PRICES - KIANDEE, BORNEO POST (KK) -ONLINE SATU BADAN KHAS PERLU BAGI TANGANI HARGA AYAM DI PASARAN, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE SPECIAL BODY MUST BE SET UP TO ADDRESS ISSUE OF RISIN, BERITA NASIONAL -TV1 MOA: CHICKEN PRICES, PROVISION OF SUBSIDIES WOULD BE DISCUSSES NEXT WEEK, GUANG MING DAILY -ONLINE 17,000 PEKERJA DI CAMERON HIGHLAND TERIMA VAKSIN, NASIONAL, SH AHAD -13 ISU HARGA AYAM MAHAL PERLU KAJIAN SECARA MENYELURUH, NEGARA, KOSMO -6 11,000 CAMERON'S FARMERS VACCINATED, NEWS/NATION, NST -2 & 3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
13. 14.	STABILIZE FISH PRICES, BERITA NASIONAL -TV1 KPDNHEP, MAFI TINGKATKAN BEKALAN Q-FISH UNTUK KAWAL HARGA IKAN, HM -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
15.	AGROBANK COMMITTED TO HELPING MALAYSIANS IMPROVE THEIR SICIO-ECONOMIC STATUS, BERNAMA -ONLINE	AGROBANK
16. 17. 18. 19. 20. 21. 22. 23. 24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31. 32. 33. 34. 35. 36. 37. 38.	PERKASA SEKTOR MAKANAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -6 HARGA TELUR, IKAN NAIK SEBAB PERMINTAAN TINGGI, NEGARA, KOSMO -6 MOF TELITI KAEDAH STABILKAN HARGA AYAM, UM -ONLINE KEMENTERIAN KEWANGAN AKAN CARI KAEDAH TERBAIK STABILKAN HARGA AYAM, HM -ONLINE CARI KAEDAH TERBAIK STABIL HARGA AYAM, KATA MENTERI, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE TELITI KAEDAH TERBAIK STABILKAN HARGA AYAM, KOSMO -ONLINE KENAIKAN HARGA AYAM BERSIFAT SEMENTARA - TENGKU ZAFRUL, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE BERNAMA - SESI LIBAT URUS STABILKAN HARGA AYAM DI PASARAN, MALAYSIAN DAILY NEWS -ONLINE HARGA AYAM KEMENTERIAN KEWANGAN TELITI KAEDAH STABILKAN HARGA, ASTRO AWANI -ONLINE MOF AKAN PERHALUSI KAEDAH TERBAIK HARGA AYAM, UTUSAN BORNEO SABAH -ONLINE MOF TO STUDY BEST METHOD TO STABILISE CHIC, BERITA NASIONAL -TV1 BINCANG SOLUSI TERBAIK STABILKAN HARGA AYAM DI PASARAN, LOKAL, HM -13 MOF CARI KAEDAH TERBAIK STABILKAN HARGA AYAM, NASIONAL, BH AHAD -4 MOF MASIH BINCANG ISU HARGA AYAM, NASIONAL, SH AHAD -9 BELANJAWAN 2022 FOKUS INDUSTRI PERTANIAN: TENGKU ZAFRUL, NASIONAL, SH AHAD -9 BAJET 2022 FOKUS PERTANIAN, DALAM NEGERI, MINGGUAN MALAYSIA -4 CPTPP: SUBSIDI DILARANG, PETANI TEMPATAN TERJEJAS, UM -ONLINE 6 LEMBU 'TUMBUH' DISAMBAR PETIR, NEGARA, KOSMO -12 NIKMAT PETIK 'BUAH SYURGA' SETIAP HARI, XPRESI, METRO AHAD -36 & 37 IKAN BERLAGA DI ALAM MAYA, PERSPEKTIF, BH AHAD -28 PLATFORM TARIK MINAT PENGGEMAR BARU, PERSPEKTIF, BH AHAD -29 EMOSI IKAN TERGANGGU BERTUKAR WARNA PUCAT, PERSPEKTIF, BH AHAD -29 OFF-SEASON DURIAN WINDFALL FOR ORANG ASLI FARMERS, NEWS IN BRIEF, NST -13	LAIN-LAIN

--	--	--

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Badan khas selesai isu harga ayam



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, meninjau Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi sektor pertanian di Dewan Serba Guna Kampung Raja, di Cameron Highlands. - Foto NSTP/BALQIS JAZIMAH ZAHARI

CAMERON HIGHLANDS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyambut baik usaha dalam mewujudkan badan khas bagi mendapatkan penyelesaian menyeluruh berhubung isu kenaikan harga ayam.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata badan khas itu perlu bagi membolehkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), berbincang dengan lebih berkesan mengenai isu terbabit dengan MAFI dan Kementerian Kewangan.

"Ia penting bagi mencari penyelesaian menyeluruh iaitu harga yang patut bagi rakyat Malaysia dan harga pengeluaran yang perlu ditanggung pihak industri," katanya pada sidang media di Pusat Pemberian Vaksin (PPVIN) Dewan Serba Guna Kampung Raja, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan KPDNHEP, baru-baru ini yang menyatakan akan bekerjasama dengan MAFI dan Kementerian Kewangan untuk menstabilkan harga ayam.

KPDNHEP juga dilapor mahu melaksanakan kawalan harga ayam jika ia terus meningkat di luar harga munasabah atau terdapat kartel memanipulasi harga di semua peringkat rantai.

Ronald berkata, banyak faktor yang perlu diambil kira dalam isu kenaikan harga ayam atau produk makanan yang lain.

"Kita perlu melihat faktor yang mengakibatkan kenaikan harga, sama ada ia faktor komponen bekalan makanan, faktor untuk mendapatkan tenaga kerja yang mencukupi atau faktor lain.

"Semua kementerian terbabit perlu mencari strategi yang menyeluruh kerana ia juga membabitkan pengimportan bahan makanan ternakan dan pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, kita perlu bercakap mengenai pemberian subsidi dan sebagainya untuk menampung kos import," katanya.

Beliau berkata, MAFI berpendirian perlu ada keseimbangan kos pengeluaran yang ditanggung pihak industri dan kos yang tidak membebaskan rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Pekerja sektor tanaman sayuran terima vaksin



CAMERON HIGHLANDS: Seramai 11,000 daripada 17,000 keseluruhan pekerja tempatan dan warga asing dalam sektor penanaman sayur-sayuran, di sini sudah menerima suntikan vaksin menerusi Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata program itu membabitkan pemilik dan pekerja daripada 400 syarikat berkaitan yang beroperasi di tanah tinggi itu.

"Program ini adalah sebahagian usaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama pemain industri bagi memastikan pekerja mereka mendapat vaksin, sekali gus mencapai imuniti kelompok.

"Pemberian vaksin dilaksanakan di empat Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di Dewan Serba Guna Kampung Raja, Dewan Orang Ramai Lembah Bertam, Dewan Serba Guna JKKK Tringkap dan Hentian R&R Lojing, Kelantan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas hadir pada Program AiVAC bagi sektor pertanian di Dewan Serba Guna Kampung Raja, di sini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ronald berkata, kementerian itu memandang serius mengenai keselamatan rantai makanan dan akan memastikan ia tidak terganggu walaupun ketika pandemik.

"Sektor pertanian ini penting kerana ia satu-satunya sektor terus dibenar beroperasi sejak dulu.

"Setakat ini, walaupun hampir dua tahun kita berhadapan pandemik, bekalan makanan di negara ini tidak terganggu," katanya.

Katanya, pihaknya mengambil langkah proaktif bagi memastikan kelancaran rantai bekalan makanan, termasuk memastikan pemberian vaksin kepada semua pekerja dan pengusaha dalam sektor agromakanan di semua peringkat.

Selain itu, katanya, program AiVAC juga dilaksanakan kepada pesawah, penternak ayam dan nelayan.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, meninjau Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi sektor pertanian di Dewan Serba Guna Kampung Raja, Cameron Highlands. - Foto NSTP/BALQIS JAZIMAH ZAHARI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Bajet 2022 | Sektor pertanian akan jadi keutamaan



Dalam memperkasa jaminan sumber makanan negara, Kementerian Kewangan akan memberi fokus kepada sektor pertanian dalam pembentangan Bajet 2022

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Harga ayam: Perlu ada keseimbangan kos ditanggung rakyat, penternak



RONALD Kiandee (depan, tengah) di atas bas persiaran yang diubah suai menjadi tempat pemberian vaksin Covid-19 di bawah program AiVAC di Dewan Serbaguna Kampung Raja, Cameron Highlands hari ini. -

UTUSAN/MOHAMAD HAFIZI MOHD. SAID

CAMERON HIGHLANDS: Kerajaan berpendirian perlu ada keseimbangan antara kos yang perlu ditanggung rakyat dan penternak dalam memastikan harga ayam tidak membebankan

mana-mana pihak.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata, sehubungan itu, satu perbincangan menyeluruh bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kewangan perlu diadakan bagi mencari penyelesaian kenaikan harga ayam di pasaran ketika ini.

Menurut beliau, faktor kenaikan harga ayam dan produk makanan yang lain juga perlu dilihat semua pihak seperti komponen bekalan makanan, tenaga kerja yang mencukupi dan lain-lain.

“Jika harga ayam naik disebabkan import bahan makanan ternakan yang di luar kawalan negara kerana tertakluk kepada pasaran antarabangsa, maka ini perlu dilihat secara menyeluruh.

“Bagi kerajaan, kita amat prihatin dengan isu harga ayam untuk rakyat tetapi kita juga prihatin untuk melihat industri ternakan ini dapat bergerak secara positif dan pemain industri ini perlu dilindungi selain rakyat secara keseluruhannya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) bagi sektor pertanian di Dewan Serbaguna Kampung Raja di sini hari ini.

Menurut Ronald, kerajaan tidak boleh memanipulasi pasaran antarabangsa melibatkan kenaikan harga bahan makanan ternakan dan kerana itu perlu ada perbincangan lanjut antara kementerian terlibat dalam mencari penyelesaian terbaik.

“Kalau nak bantu, kita terpaksa bercakap tentang pemberian subsidi dan sebagainya untuk menampung kos pengimportan komponen makanan ternakan.

“Jadi perlu ada keseimbangan di antara harga sebenar, harga industri dan juga harga yang patut diberikan kepada rakyat secara keseluruhannya,” katanya. – UTUSAN ONLINE



19 SEP, 2021

Ministry of Agriculture might provide imported feed subsidies

China Press, Malaysia

Page 1 of 2

（金马仑18日讯）农业与食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，该部将针对国内鸡价飙涨问题，下周将与其他相关部门开会，探讨是否在入口饲料方面为业者提供津贴。

他认为，鸡价飙涨问题需多个部门仔细商讨，以研究导致涨价的因素，如鸡饲料及人力是否充足，并寻求短期及长期的解决方案。

他今天联同副部长拿督斯里阿末韩查及秘书长拿督哈丝丽娜巡视金马仑甘榜拉惹的“农业前线人员冠病疫苗接种计划”（AIVAC）接种中心后，这么指出。

他指出，入口饲料原料价格如玉米，基于国际市场价格浮动问题，政府无

農部探討雞價飆漲問題 或提供入口飼料津貼

法掌控其价格，目前需探讨是否给予援助，包括提供津贴，以补贴业者制造饲料的成本。

他说，该部除了关注消费者要承担的费用，也要保护业者，需在业者成本和市场价格方面取得平衡。

此外，部长指金马仑在2个月前有地方落实强管令，导致蔬菜收成及供应受到影响，包括本地及出口市场，该部及金马仑的食品农业业者合作，落实金马仑“农业前线人员冠病疫苗接种计划”，让农

工接种疫苗。

“目前有超过400家农业公司参与上述计划，让超过1万7000名工人接种疫苗，其中1万1000人已接种，并涉及了4个接种中心，包括甘榜拉惹的流动接种中心。”

他说，参与的雇主和工人都给予高度的配合，希望所有人都完成接种，达到社区免疫目标。

询及若有工人拒绝接种要如何应对，他说，这是另一个部门的管辖范围，但该部立场是鼓励所有本地人及非本地人接种。



19 SEP, 2021

Ministry of Agriculture might provide imported feed subsidies

China Press, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

(金马仑IS日讯) 农业

与食品工业部长拿督斯里罗南建迪指出，该部将针对国内鸡价飙涨问题，下周将与其他相关部门开会，探讨是否在入口饲料方面为业者提供津贴。他认为，鸡价飙涨问题需多个部门仔细商讨，以研究导致涨价的因素，如鸡饲料及人力是否充足，并寻求短期及长期的解决方案。他今天联同副部长拿督斯里阿末韩查及秘书长拿督哈丝丽娜巡视金马仑甘榜拉惹的“农业前线人员冠病疫苗接种计划”(AiVAC)接种中心后，这



19 SEP, 2021

Special body must be set up to address issue of rising chicken prices - Kiandee

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 1 of 3

Special body must be set up to address issue of rising chicken prices – Kiandee

CAMERON HIGHLANDS: A special body must be set up to monitor and address the issue of rising chicken prices in the local market said, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee.

As such he said, a comprehensive discussion would

be held with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) to tackle the problem in an effective and systematic manner.

“This special body will be more focused on matters which are under the jurisdiction of KPDNHEP as the ministry that

acts on price increases (goods).

“As far as MAFI is concerned, we are open to discussions (solutions) because our stand is that the cost of production (chicken feed) borne by the industry and the costs (chicken price) imposed on the people must be proportionate,” he told a



19 SEP, 2021

Special body must be set up to address issue of rising chicken prices - Kiandee

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 2 of 3

press conference after visiting the AgroFood Industry Vaccination Programme (AiVAC), at Kampung Raja Multipurpose Hall, here, on Saturday.

On Friday, KPDNHEP Minister, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said that discussions with MAFI should

be held continuously to address the problem of the rising cost of animal feed which have been brought up by farmers.

He stressed that the discussions targeted on the high cost of livestock feed including imported chicken feed, prices of chicken breed and chicks which affect the

price of chicken at the consumer level.

On the vaccination programme, Kiandee said over 17,000 workers in the vegetable growing sector in the highlands, would be vaccinated against Covid-19 through AiVAC which began on August 27. — Bernama



19 SEP, 2021

Special body must be set up to address issue of rising chicken prices - Kiandee

Borneo Post (KK), Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

CAMERON HIGHLANDS: A special body must be set up to monitor and address the issue of rising chicken prices in the local market said, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Ronald Kiandee. As such he said, a comprehensive discussion would

be held with the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP) to tackle the problem in an effective and systematic manner.



19 SEP, 2021

Satu badan khas perlu bagi tangani harga ayam di pasaran

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2



LAWATAN: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (dua, kanan) meninjau proses vaksinasi COVID-19 kepada pekerja asing ketika hadir pada Program Vaksinasi COVID-19 Pekerja Sektor Penanaman Sayur di Dewan Serbaguna Kampung Raja semalam. — *Gambar Bernama*

Satu badan khas perlu bagi tangani harga ayam di pasaran

CAMERON HIGHLANDS: Kewujudan satu badan khas bagi memantau dan menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran tempatan perlu direalisasikan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee.

Justeru, katanya, perbincangan menyeluruh akan dibuat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan perkara itu dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

"Bagi kita, badan khas itu lebih kepada bidang kuasa KPDNHEP selaku kementerian yang bertindak terhadap kenaikan harga (barangan)."

"Di pihak MAFI, kita menyambut baik sebarang perbincangan (penyelesaian) kerana pendirian kita, kos pengeluaran (makanan ayam)

ditanggung pihak industri dan kos (harga ayam) sepatutnya dikenakan kepada rakyat perlu seimbang," katanya selepas melawat Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC), di Dewan Serbaguna Kampung Raja, di sini semalam.

Kelmarin Menteri KPDNHEP, Dato Sri Alexander Nanta Linggi berkata sesi perbincangan bersama MAFI secara berterusan perlu diadakan bagi menangani permasalahan harga makanan ayam yang tinggi disuarakan kebanyakan penternak.

Beliau menegaskan perbincangan itu menyasarkan isu kos tinggi meliputi dedak ayam yang diimport, harga baka ayam dan anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat pengguna.

Dalam pada itu, Ronald berkata pihaknya berpenda-

pat bantuan subsidi bagi menampung kos pengimportan dan komponen makanan ternakan juga antara mekanisme yang mampu memberi kesan positif dalam menstabilkan semula kenaikan harga ayam di pasaran.

Terdahulu, mengenai program AiCAV beliau berkata lebih 17,000 pekerja sektor penanaman sayur di kawasan tanah tinggi itu akan menerima suntikan vaksin COVID-19 melalui program tersebut yang bermula 27 Ogos lalu.

Katanya, sebanyak 400 syarikat menyertai program itu yang dilihat sebagai langkah proaktif bagi menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara.

"Selingga kini sebanyak 10,000 pekerja telah menerima dos pertama, baki 7,000 pekerja lagi akan divaksin bermula semalam hingga 27 Sept ini," katanya. — Bernama



19 SEP, 2021

Satu badan khas perlu bagi tangani harga ayam di pasaran

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LAWATAN: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (dua, kanan) meninjau proses vaksinasi COVID-19 kepada pekerja asing ketika hadir pada Program Vaksinasi COVID-19 Pekerja Sektor Penanaman Sayur di Dewan Serbaguna Kampung Raja semalam. —Gambar Bernama

CAMERON HIGHLANDS: Kewujudan satu badan khas bagi memantau dan menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran tempatan perlu direalisasikan, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Seri Ronald Kiandee.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

SPECIAL BODY MUST BE SET UP TO ADDRESS ISSUE OF RISIN





19 SEP, 2021

**MOA: Chicken prices, provision of subsidies
would be discussed next week**

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 1 of 2

農長：包括探討津貼飼料 數部門下週商雞價

（金马仑18日讯）农业及农基工业部长拿督斯里罗纳建迪指出，该部门将于下星期与其他部门开会，就国内鸡价飙涨课题进行商讨，包括探讨是否在入口饲料原料方面为业者提供津贴等。

“鸡价飙涨的问题，需要几个部门仔细商讨，以研究导致涨价的因素，例如鸡饲料原料和人力是否充足等，以寻求短期和长期的解决对策。”

“我非常欢迎贸消部主动寻找农业部商讨这个问题，我们也非常关注消费者所面对的困境。”

他说，入口饲料原料价格，例如玉米，这是基于国际市场价格浮动问题，是政府无法掌控的范围。

“我们要探讨是否给予援助，包括提供津贴，以补贴业者制造饲料的成本。”

成本市场价须取得平衡

他表示，农业部除了关注消费者方面要承担的费用，也要保护业者，需在业者成本和市场价格方面取得平衡，这需要全面的商讨。

罗纳建迪是于今天联同第一副部长拿督斯里阿末韩查和农业与农基工业部秘书长拿督哈丝丽娜，巡视位于金马仑甘榜拉惹的金马仑“农业前线人员冠病疫苗接种计划”（AIVAC）接种中心后，在记者会这么指出。

他表示，两个月前，金马仑有地方落实加管令，导致蔬菜收成和供应受到影响，包括本地和出口市场，为此农业部和金马仑在地的食品农业业者合作，落实了金马仑“农业前线人员冠病疫苗接种计划”（AIVAC），让农工接种疫苗。

他指出，目前有超过400家农业公司参与这项计划，让超过1万7000名工人接种疫苗，其中1万1000人已经接种，涉及4个接种中心，包括甘榜拉惹的流动接种中心。



■ 罗纳建迪（左起）、阿末韩查和哈丝丽娜巡视位于甘榜拉惹的AIVAC流动接种中心。

“参与的雇主和工人都高度配合，这项计划受欢迎，我希望所有人都完成接种，达到社区免疫目标。”

询及若有工人拒绝接种要如何应对，他表示，这是另一个部门的管辖范围，但农业部的立场是鼓励所有人接种，无论是本地人还是外籍人士。

“除了种植业，渔农和养殖业等食品农业领域都被纳入这项计划中，即使我国经历多个阶段的行管令，这个领域仍被允许运作，因为是属于关键服务领域。”

他表示，该部门向来严正看待粮食安全课题，并确保供应链不会因加管令而受到影响。我国虽然面对全球大流行近2年，但仍维持著持续性的粮食供应，没有受到疫情影响。（BPK）



19 SEP, 2021

MOA: Chicken prices, provision of subsidies would be discussed next week

Guang Ming Daily, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

进行商讨，包括探讨是否在入口饲料原料方面为业者提供津贴等。“鸡价飙涨的问题，需要几个部门仔细商讨，以研究导致涨价的因素，例如鸡饲料原料和人力是否充足等，以寻求短期和长期的解决对策。”我非常欢迎贸消部主动寻找农业部商讨这个问题，我们也非常关注消费者所面对的困境。“他说，入•饲料原料价格，例如玉米，这是基于国际市场价格浮动问题，是政府无法掌控的范围。“我们要探讨是否给予援助，包括提供津贴，以补贴

400 syarikat turut serta dalam program AiVAC bagi menjamin kelangsungan rantaian bekalan makanan negara

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

CAMERON HIGHLANDS

Lebih 17,000 pekerja sektor tanaman sayur-sayuran di Cameron Highlands akan menerima suntikan vaksinasi Covid-19 melalui Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) yang bermula 27 Ogos lalu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiang berkata, sebanyak 400 syarikat turut serta dalam program AiVAC itu.

"Program ini melibatkan empat Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) mobile di Cameron Highlands iaitu Kampung Raja, Dewan Orang Ramai Lembah Bertam, Dewan Serbaguna JKKK Tringkap dan Hentian R&R Lojing, Kelantan. Sehingga kini kira-kira 11,000 pekerja telah menerima dos pertama suntikan vaksin," katanya selepas program AiVAC di Dewan Serbaguna Kampung Raja di sini pada Sabtu.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah; Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi Pahang, Datuk Seri Ir Mohd Soffi Abd Razak dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Ronald berkata, sektor agromakanan merupakan salah satu sektor penting dalam rantaian

17,000 pekerja di Cameron Highlands terima vaksin



Sebahagian pekerja tanaman sayur-sayuran menerima vaksin Covid-19.



SYED ABDUL RAHMAN



ENG PEE



SENTHIL KUMAR



PAVINDREN RAJ

bekalan makanan negara.

Katanya, program AiVAC akan diteruskan untuk meningkatkan pengambilan vaksinasi dalam kalangan pesawah, petani, penternak, nelayan dan pekerja serta individu yang terlibat dalam sektor itu.

"MAFI memandang serius sekuriti makanan dan kita akan pastikan rantaian penanaman tidak terganggu walaupun dalam pandemik mahupun ketika Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Program AiVAC setakat ini bergerak lancar dan dapat dilihat pekerja-pekerja industri pertanian di Cameron Highlands menyambut baik serta bersedia me-

nerima vaksin," katanya.

Ronald turut melawat Projek Pengurusan Perosak Bersepadu (Integrated Pest Management-IPM) di Greenheart Farm di Lojing, Kelantan.

Syarikat berkenaan mengeluarkan sayur-sayuran yang berkualiti tinggi bebas racun perosak (*pesticide-free*) melalui kaedah tanam intensif dengan memfokuskan peningkatan produktiviti dan kualiti tanaman melalui pengamalan IPM.

Syarikat itu mempunyai pensijilan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) yang bukan sahaja menjamin pengeluaran hasil yang berkualiti, bahkan merupakan syarat utama

dalam pengeksportan produk pertanian ke luar negara.

Ronald turut mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil daripada Sustainable Modern Agriculture Cameron Highlands Committee (SMACH) bagi membincangkan mengenai inisiatif-inisiatif untuk menggalakkan amalan pertanian yang moden dan lestari di Cameron Highlands ke arah meningkatkan produktiviti pertanian selain memastikan ekosistem dan alam sekitar di kawasan ini sentiasa terpelihara.

Pekerja lengkap divaksin bulan depan

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abdul Rahman Syed Abdul Rashid gembira dengan inisiatif AiVAC yang dilaksanakan MAFI itu berjaya mempercepatkan pengambilan vaksin dalam kalangan pekerja termasuk pekerja asing.

Menurutnya, program gabungan tujuh persatuan di Cameron Highlands dan kerajaan itu sebagai usaha untuk meningkatkan imuniti kelompok dalam sektor agromakanan.

"MAFI banyak membantu dengan memvaksin 17,000 pekerja kami. Dalam tempoh tidak sampai sebulan, lebih 50 peratus pekerja termasuk pekerja asing sudah menerima vaksin.

"Kerjasama yang direncanakan sejak bulan lalu merupakan contoh baik untuk segera mencapai imuniti kelompok seperti disasarkan kerajaan," katanya.

Syed Abdul Rahman berkata, vaksinasi adalah penting dalam menjamin keselamatan komuniti pekerja-pekerja sekali gus mengekang penularan Covid-19.

Sementara itu, dua beradik, S Senthil Kumar dan Pavindren Raj yang merupakan majikan kepada 31 pekebun bunga kini berasa lega dan tidak perlu menunggu lama untuk pekerjaannya menerima vaksin.

Menurutnya, program AiVAC ini disifatkan bagus untuk syarikat yang pekerjaannya masih belum terima vaksin.

"Langkah yang disediakan sangat memudahkan majikan untuk mendaftar pekerja ini.

INFO

- Cameron Highlands merupakan kawasan pengeluaran tanaman terbesar dengan jumlah keseluruhan keluasan bertanam sebanyak 15,106.53 hektar dengan nilai pengeluaran 325,036.16 tan metrik setahun.
- 4 lokasi untuk pelaksanaan AiVAC melalui Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) Mobile iaitu di Dewan Serbaguna Kampung Raja, Dewan Orang Ramai Lembah Bertam dan Dewan Serbaguna JKKK Tringkap serta satu (1) lokasi di R&R Lojing, Kelantan.
- Sebanyak 17,000 bekalan vaksin telah diperuntukkan kepada pekerja industri agromakanan bermula 27 Ogos 2021.
- Sebanyak 11,000 pekerja telah menerima dos pertama di keempat-empat PPVIN AiVAC. Baki sebanyak 6,000 pekerja akan divaksin bermula 17 hingga 27 September 2021 di PPVIN Kampung Raja.
- Program AiVAC dianjurkan oleh Persatuan Gabungan AiVAC Cameron Highlands dengan kerjasama Jabatan Pertanian.

Kami mengusahakan kebun bunga tentu bimbang dengan keadaan negara yang masih dalam tempoh pandemik.

"Sebelum ini kami daftar banyak tempat termasuk MySejahtera dan perlu menunggu lama untuk dapatkan tarikh janji temu. AiVAC ini sekejap sahaja tanpa perlu tunggu lama," katanya.

Katanya, apabila pekerja mula terima vaksin, rasa bimbang akan risiko jangkitan dalam kalangan pekerja dan majikan berkurangan.

Lew Eng Pee, 57, pula berkata, seramai 10 pekerjaannya telah menerima dos pertama suntikan vaksin Covid-19 menerusi program AiVAC yang dijalankan kerajaan.

"Apabila saya mendapat tahu program ini, tanpa berlengah saya terus daftarkan empat pekerja wanita dan enam lelaki untuk terima vaksin," katanya.



Ronald (tengah) menunjukkan capsul yang dituat untuk dipasarkan ke luar negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	KOSMO AHAD	NEGARA	6

Belanjawan 2022 fokus industri pertanian, tambah baik pakej rangsangan

Perkasa sektor makanan negara

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI

KUALA – Sektor pertanian khususnya jaminan bekalan makanan akan diberi keutamaan dalam Belanjawan 2022 bagi memastikan industri makanan negara tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import dalam jangka masa panjang.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan potensi yang ada industri pertanian negara.

"Bagi Belanjawan 2022, kita mahu fokus kepada sektor pertanian, terutama daripada segi jaminan makanan kerana jika kita lihat ia adalah salah satu elemen utama dalam Pakej Rangsangan dan juga Belanjawan 2021.

"Jaminan makanan dan sektor pertanian akan tetap diberi keutamaan bagi membina asas untuk penambahbaikan agar kita tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka panjang," katanya.

Bellau berkata demikian dalam sidang akhbar yang diadakan selepas melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd. di sini semalam.



TENGGU ZAFRUL (kanan) menyampaikan replika penyerahan set generator kepada wakil Pusat Ternakan Kelah Asuko Genius Sdn. Bhd. ketika lawatan pusat itu di Kulai semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor dan Pegawai Kewangan Negeri Johor, Datuk Salehuddin Hassan.

Tengku Zafrul menambah, usaha untuk meningkatkan lagi industri pertanian negara dilihat sebagai kesinambungan belanjawan tahun lalu melalui peruntukan yang telah disalurkan.

"Secara keseluruhan melalui pakej-pakej rangsangan dan Belanjawan 2021, RM3.15 billion diperuntukan untuk sektor pertanian di mana RM1.75 billion telah disalurkan kepada peladang, penternak dan nelayan untuk projek-projek pertanian.

"Projek-projek yang telah dilaksanakan termasuklah yang berkaitan logistik semasa Perintah Kawalan Pergerakan, kemudahan mikro kredit di bawah Agrobank dan projek-projek negeri lain termasuk di negeri Johor," ujarnya.

Sementara itu, dalam lawatan kerja dua hari beliau ke Johor, Tengku Zafrul turut menyatakan sokongan pihaknya kepada usaha kerajaan Johor untuk menjadi hab makanan negara.

Isu harga ayam mahal perlu kajian secara menyeluruh

CAMERON HIGHLANDS – Isu kenaikan harga ayam dan cara mengatasinya perlu dibincangkan secara lebih teliti kerana mempunyai rantaian dengan sektor-sektor lain.

Antaranya membabitkan komponen bekalan makanan, tenaga kerja yang mencukupi dan lain-lain lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee berkata, justeru perlu ada keseimbangan antara kos yang ditanggung rakyat serta pemain industri ternakan.

Tegas beliau, ini bagi memastikan harga ayam di pasaran stabil serta tidak membebaskan mana-mana pihak.

"Satu perbincangan menyeluruh antara kementerian ini bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Kewangan perlu diadakan.

"Faktor berlakunya kenaikan harga ayam dan produk makanan juga perlu dilihat termasuk kos dan tenaga kerja yang mencuku-



RONALD

pi selain faktor-faktor berkaitan" ujarnya.

Bellau berkata demikian selepas hadir pada Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AIVAC) bagi sektor pertanian di Dewan Serbaguna Kampung Raja, Cameron Highlands di sini semalam.

Sementara itu, Ronald memaklumkan pihaknya menyambut baik usaha KPDNHEP untuk



KERATAN Kosmo 17 September 2021.

berbincang dalam menyelesaikan isu kenaikan harga ayam dan tidak menolak kemungkinan menubuhkan sebuah jawatankuasa khas.

"Kita menyambut baik usaha untuk duduk berbincang dan juga Kementerian Kewangan untuk mencari penyelesaian menyeluruh," katanya.

Isu kenaikan harga ayam sejak dua minggu lalu menimbulkan rungutan kepada pengguna berikutan harganya mencecah RM11.

Kosmo! melaporkan pada 7 September lalu harga ayam dikesan tinggi sehingga mencecah RM10 di Pulau Pinang dan beberapa negeri lain.

Harga telur, ikan naik sebab permintaan tinggi

HULU TERENGGANU – Kementerian Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengesan berlaku sedikit kenaikan pada telur ayam dan ikan di pasaran sejak akhir-akhir ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, begitu pun kenaikan itu hanya pada kadar minimum dan tidak menyeluruh di seluruh negara.

Bellau berkata, selain faktor cuaca, permintaan melebihi penawaran antara sebab berlakunya kenaikan pada harga ikan dan telur tersebut.

"Permintaan terhadap bahan makanan seperti telur ayam dan ikan telah meningkat sebab pembukaan semula sektor pelancongan dengan lebih banyak premis makanan dan hotel mula beroperasi semula.

"Begitupun, kenaikan itu tidak ketara sedangkan harganya didapati masih stabil di sebahagian besar kawasan di negara ini," katanya ketika ditemui selepas memantau program

Outreach Vaksinasi di Akademi Binaan Negara Wilayah Timur di Jenagor di sini semalam.

Rosol berkata, apa pun, KPDNHEP tetap mengambil serius dengan melakukan pemantauan berterusan dan mengambil inisiatif bagi terus menstabilkan semula harga barangan keperluan.

Tambah beliau, pasukan penguat kuasa KPDNHEP telah mengeluarkan 136 notis pengesahan maklumat terhadap penjual telur ayam sepanjang bulan lalu.

"Siasatan lanjut mendapati tiga peniaga terbabit disyaki telah menjual telur ayam dengan harga mahal sekali gus melakukan kesalahan pencatutan.

"Selain itu, KPDNHEP juga mengambil inisiatif libat urus yang melibatkan pemain industri ayam dan telur ayam bagi menstabilkan harga dua barangan keperluan itu untuk jangka panjang," katanya.

"Ia bertujuan bagi menstabilkan harga ikan pada musim tengkujuh," ujarnya.

NEWS / Nation

VACCINATION PROGRAMME

11,000
CAMERONS'
FARMERS
VACCINATED

AiVAC aims to boost inoculation of agrofood industry workers, says Klandee

ZAHRAHATUL HAYAT MAT ARIF AND
SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH
CAMERON HIGHLANDS
news@nst.com.my

SOME 11,000 out of 17,000 farmers here have been partially or fully vaccinated under the Agrofood Industry Vaccination Programme (AiVAC).

Under the programme, vaccination centres (PPV) have been set up at the Kampung Raja, Lembah Bertam and Tringkap Village Development and Security Committee's multipurpose halls here, as well as at the Lojing Rest and Service area in Kelantan.

Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee said Cameron Highlands was the country's largest crop production area with a total planted area of 15,106.53ha and production value of 325,036.16

metric tonnes per year.

"A total of 17,000 doses of the Covid-19 vaccine have been allocated to agro-food industry workers in Cameron Highlands and Lojing," Klandee said after visiting the AiVAC PPV at the Kampung Raja multipurpose hall here yesterday.

He said the Enhanced Movement Control Order, which was implemented two months ago in several agricultural areas here, had affected the farmers' crop production chain, which involved local and export markets.

"Following that, the ministry came out with AiVAC, which is jointly organised by agro-food industry players."

He said AiVAC aimed to boost vaccination of workers and individuals involved in the agrofood sector, as well as help the government achieve herd immunity to curb the spread of Covid-19.

Klandee said AiVAC for fishermen would kick off today in Hutan Melintang, Perak.

A vaccination programme was also carried out yesterday in Pantai Senok, Bachok, which Kelantanese regard as Malaysia's version of South Korea's Nami Island.

The beach is nicknamed "Nami Island of Malaysia" because its



lush greenery resembles that of the tourist hotspot in South Korea.

The vaccination programme, organised by the Kelantan government and the state Health Department, was intended to speed up the inoculation exercise in Kelantan.

Fifty personnel, comprising state health officers and volunteers, were involved in the programme from 8am to 5pm.

Noriza Bakar, who was in charge of the programme, said at least 400 out of the 3,000 people living in the surrounding areas were vaccinated yesterday.

"The programme is only for one day. Hopefully, we will achieve our target."

More than 88,000 individuals in Bachok have registered for vaccination. To date, 52,000 people have received at least one dose of the vaccine.



People queuing to get vaccinated in Pantai Senok, Bachok, yesterday. PIC BY SHARIFAH MAHSINAH ABDULLAH

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	NST	NEWS/NATION	3



Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Klandee (second from right) visiting a vaccination centre in Cameron Highlands yesterday. PIC BY BALQIS JAZIMAH ZAHARI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

STABILIZE FISH PRICES



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

KPDNHEP, Mafi tingkatkan bekalan Q-Fish untuk kawal harga ikan



Kuala Berang: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) dalam memastikan kestabilan bekalan dan harga ikan di pasaran terutama menjelang musim monsun yang dijangka memberi kesan kepada bekalan ikan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Rosol Wahid berkata, kedua-dua pihak mula menggerakkan usaha bagi menghadapi jangkaan itu seperti meningkatkan bekalan ikan segar beku atau Q-Fish di pasaran untuk memenuhi permintaan pengguna.

Beliau berkata, peningkatan bekalan Q-Fish di pasaran dijangka mula dilaksanakan di Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Besut, Terengganu.

"Pihak kita ada menerima aduan mengenai kenaikan harga beberapa jenis ikan seperti selayang dan kembung dan ia kini dalam pemantauan dan tindakan penguat kuasa kementerian.

"Kenaikan harga lazimnya berpunca daripada beberapa faktor yang saling berkait rapat seperti perubahan cuaca yang boleh mengganggu kestabilan bekalan, kesegaran ikan serta jenis atau saiz ikan.

"Selain itu, pembukaan lebih banyak sektor ekonomi dan pelancongan membolehkan lebih banyak kedai dan restoran dibuka serta hotel dan penginapan beroperasi sekali gus meningkatkan kadar permintaan bekalan bahan basah," katanya.

Rosol berkata, perbincangan bersama Mafi sedang dijalankan untuk menyelesaikan isu ini dan diharapkan ia dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat supaya tidak membebankan pengguna.

"Kualiti ikan segar beku ini sama seperti ikan segar yang berada di pasaran dan ini antara alternatif kita untuk mengatasi kekurangan bekalan ikan segar," katanya ketika melawat Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Akademi Binaan Malaysia Jenagor di Hulu Terengganu di sini, hari ini.

Mengulas mengenai situasi semasa harga telur yang didakwa kembali mengalami kenaikan khususnya di Terengganu, Rosol berkata, hasil pemantauan dan pemeriksaan penguat kuasa serta data Bahagian Harga Barang Negara KPDNHEP mendapati harga telur ayam di pasaran stabil.

Bagaimanapun, katanya, mungkin berlaku kenaikan harga telur di beberapa lokasi namun pada kadar minimum.

"Sepanjang Ops Pasar 2021 (Telur Ayam) dijalankan pada Ogos lalu, sebanyak 136 Notis Pengesahan Maklumat Harga Barang dikemukakan kepada peniaga di seluruh negara.

"Hasil pemeriksaan dan siasatan, tiga kes dikesan melakukan kesalahan mencatut mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERNAMA	ONLINE	

Agrobank committed to helping Malaysians improve their socio-economic status



Agrobank Covering President and Chief Executive Officer Khadijah Iskandar

KUALA LUMPUR, Sept 15 – Agrobank remains committed to supporting the development of the socioeconomic status of Malaysians through various entrepreneurship initiatives developed to assist businesses affected by the COVID-19.

In a statement today, covering president and chief executive officer Khadijah Iskandar said as a developmental financial institution (DFI), its focus is to strengthen the agricultural sector and continue to develop small and medium enterprises, including the unserved and underserved communities, the below 40 per cent income (B40) group, women, the disabled and asnaf.

"This is to ensure these communities continue to be supported and able to improve their current socio-economic status, especially during this transition period when the country's COVID-19 status is moving towards an endemic," she said.

Her statement was in response to a recent call by Finance Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz for DFIs to provide full support to the country during the recovery period by playing a strategic and important role to restore and preserve business capacity while providing various opportunities.

Khadijah said Agrobank has helped many entrepreneurs through the Micro Credit Financing Fund amounting to RM350 million, under the PENJANA plan, to the agro-based communities.

"As of July 31, 2021, Agrobank has approved total financing of RM200.4 million under the PENJANA Agrofood Fund plan, which involved about 16,000 entrepreneurs from the agro-based communities," she said.

The allocation has been channelled to micro-entrepreneurs from the B40 group involved in the agro-food sector who were affected by the Movement Control Order to assist in their operational costs and as working capital for their businesses.

"Agrobank is all ears to guide its customers through the difficulties faced by Malaysians during this testing period and will try its best to offer the best solutions," she added.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

MOF teliti kaedah stabilkan harga ayam



TENGGU Zafrul Tengku Abdul Aziz (dua kanan) menyerahkan set generator kepada Asuko Genius bagi projek pertanian dan penternakan berimpak tinggi di Kulai, Johor.

KULAI: Kementerian Kewangan (MOF) akan meneliti kaedah terbaik menstabilkan harga pasaran ayam dalam industri makanan tempatan yang sedang meningkat naik di seluruh negara ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, pihaknya akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam isu itu.

Katanya, sebarang keputusan yang dibuat perlu melihat kepada impak yang terhasil khususnya kepada golongan terlibat.

“Kerajaan sedar akan isu harga ayam yang meningkat naik, MOF bersama KPDNHEP dan MAFI akan meneliti cadangan untuk menstabilkan harga ayam di dalam industri makanan tempatan.

“Apa-apa keputusan dibuat perlu melihat dari segi impak kepada penternak dan semua pihak terlibat serta industri lain di dalam rantai bekalan makanan khususnya impak kepada pengguna, itu keutamaan kerajaan,” katanya selepas melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan MOF selain MAFI bagi mencari penyelesaian jangka panjang munasabah terhadap isu harga ayam.

Tambah Tengku Zafrul, pihaknya difahamkan kenaikan harga ayam yang berlaku ketika ini adalah kerana ketidakpastian permintaan pasaran ekor pembuka semula beberapa sektor ekonomi.

Menurut beliau, kenaikan harga ayam yang dilaporkan di seluruh negara ketika ini juga dijangka bersifat sementara.

“Sementara itu, pemberian subsidi kepada pengusaha dan penternak ayam akan dibincangkan terlebih dahulu dan buat waktu ini masih belum ada keputusan berhubung perkara itu. Kita akan teliti apakah sebabnya,” ujarinya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

Kementerian Kewangan akan cari kaedah terbaik stabilkan harga ayam [METROTV]



Kulai: Kementerian Kewangan akan mencari kaedah terbaik bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, termasuk melihat sama ada sistem subsidi kepada penternak perlu dilaksanakan.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, kementerian akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi meneliti secara menyeluruh impak kepada penternak ayam dan pengguna.

"Kerajaan sedar isu harga ayam yang meningkat menjadi rungutan masyarakat. Apa-apa keputusan yang mahu dilaksana perlu dilihat dari segi impak terhadap penternak selain semua pihak terbabit dalam rantai industri makanan dan yang paling penting sekali adalah impak kepada pengguna, itu adalah keutamaan kerajaan.

"Kita akan bincang lihat dahulu sebelum melaksanakan apa-apa langkah (sistem subsidi) sebabnya saya difahamkan, MAFI menjangkakan kenaikan ini (harga ayam) adalah sementara, berikutan ketidakpastian apabila kita buka semula ekonomi kita," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat ternakan ikan kelah di Bukit Batu di sini, hari ini.



Minggu lalu, KPDNHEP bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, dilaporkan berkata subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

Semalam, Menteri PDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, pihaknya akan membabitkan Kementerian Kewangan dalam mencari penyelesaian yang boleh dilaksanakan kerajaan sebagai langkah proaktif menstabilkan harga ayam untuk jangka masa panjang.

Kenaikan harga ayam dikenal pasti berpunca daripada beberapa faktor termasuk harga makanan ayam yang dikatakan meningkat (komponen makanan ayam seperti jagung dan soya) yang diimport dari luar negara).

Purata harga ayam yang dijual di pasar basah sejak kenaikan harga ayam bermula awal bulan ini ialah pada harga RM9 hingga RM10.50 sekilogram manakala harga paling tinggi dijual pada harga RM11 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Cari kaedah terbaik stabil harga ayam, kata menteri



Tengku Zafrul berkata, Belanjawan 2022 dijangka memberi perhatian kepada perkembangan industri pertanian dan penternakan. – Gambar fail The Malaysian Insight, 18 September, 2021.

KEMENTERIAN Kewangan (MoF) akan memperhalusi kaedah menstabilkan harga ayam yang kini sedang meningkat supaya ia dapat memberikan impak terbaik kepada pengguna dan penternak ayam di seluruh negara.

Menteri Kewangan Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata usaha itu akan dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	KOSMO	ONLINE	

Teliti kaedah terbaik stabilkan harga ayam



KULAI – Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) akan meneliti kaedah terbaik untuk menstabilkan harga pasaran ayam dalam industri makanan tempatan yang sedang meningkat naik di seluruh negara ketika ini.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, pihaknya akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Katanya, sebarang keputusan yang dibuat perlu melihat kepada impak yang terhasil khususnya kepada golongan terlibat.

“Kerajaan sedar akan isu harga ayam yang meningkat naik, MOF bersama KPDNHEP dan MAFI akan meneliti cadangan untuk menstabilkan harga ayam di dalam industri makanan tempatan.

“Apa-apa keputusan dibuat perlu melihat dari segi impak kepada penternak dan semua pihak terlibat serta industri lain di dalam rantai bekalan makanan, khususnya impak kepada pengguna, itu keutamaan kerajaan,” katanya dalam sidang akhbar selepas melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd., di sini hari ini.

Tambah Tengku Zafrul lagi, pihaknya difahamkan kenaikan harga ayam yang berlaku ketika ini adalah kerana ketidaktentuan permintaan pasaran ekor pembuka semula beberapa sektor ekonomi.

Menurut beliau, kenaikan harga ayam yang dilaporkan di seluruh negara ketika ini juga dijangkakan bersifat sementara.

“Sementara itu, pemberian subsidi kepada pengusaha dan penternak ayam akan dibincangkan terlebih dahulu dan buat waktu ini masih belum ada keputusan berhubung perkara itu,” ujarnya.-K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Kenaikan harga ayam bersifat sementara – Tengku Zafrul



Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd. di Kulai, Johor hari ini.

KULAI – Kenaikan harga ayam di pasaran hari ini bersifat sementara ekoran pembukaan semula sektor ekonomi negara selepas kekangan pandemik Covid-19.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, kerajaan akan meneliti kaedah

terbaik untuk memstabilkan harga pasarannya dalam industri makanan tempatan yang sedang meningkat naik di seluruh negara ketika ini.

Oleh itu, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).



“Kerajaan sedar akan isu harga ayam yang meningkat naik, MOF bersama KPDNHEP dan MAFI akan meneliti cadangan untuk menstabilkan harga ayam di dalam industri makanan tempatan.

“Sebarang keputusan dibuat perlu dilihat daripada segi impak dari segi penternak semua pihak terlibat industri industri lain di dalam rantaian

industri makanan yang paling penting sekali adalah impak kepada pengguna itu adalah keutamaan kerajaan,” katanya selepas melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd. di sini hari ini.

Baru-baru ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan MOF selain MAFI bagi mencari penyelesaian jangka panjang munasabah terhadap isu harga ayam.

Kata Tengku Zafrul lagi, kenaikan harga ayam yang berlaku ketika ini adalah kerana ketidakpastian permintaan pasaran yang berlaku.

Justeru, katanya, pemberian subsidi kepada pengusaha dan penternak ayam akan dibincangkan terlebih dahulu.

Buat masa ini, jelasnya, tiada sebarang keputusan dibuat berhubung perkara itu.- MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	MALAYSIAN DAILY NEWS	ONLINE	

BERNAMA – Sesi libat urus stabilkan harga ayam di pasaran



PUTRAJAYA, 17 Sept — Pelaksanaan mekanisme sesi libat urus pihak industri melalui pengeluaran Surat Pemberitahuan (SP) menunjukkan hasil positif apabila harga ayam di pasaran mula dilihat stabil pada masa ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata sesi libat urus yang membabitkan pembekal, penternak dan pemborong itu adalah

supaya mereka tidak membuat sebarang tekanan harga yang memberi kesan kepada harga runcit pengguna.

Menurutnya mekanisme pengeluaran SP di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 kepada peniaga itu digunakan sebagai pendekatan secara lembut yang bersifat seimbang dan mengambil kira situasi yang dihadapi oleh pihak industri susulan daripada kenaikan harga makanan ternakan.

“Tujuan pengeluaran SP ini adalah sebagai peringatan dan arahan kepada pihak peniaga di setiap rantai agar membuat semakan semula harga dan membuat perubahan harga (supaya) tidak beri kesan kepada harga runcit pengguna di pasaran,” katanya dalam kenyataan hari ini mengenai isu harga ayam.

Nanta berkata kenaikan harga yang berterusan sebelum ini dapat distabilkan hasil kerjasama daripada pengeluar dan pihak yang terbabit dalam rantai pemasaran ayam.

Menurut beliau sejumlah 145 SP telah dikemukakan kepada peniaga di setiap rantai pengedaran bagi memberi maklumat dan peringatan agar tiada perubahan harga yang menunjukkan kenaikan mendadak dilakukan buat masa ini.

Nanta berkata Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) buat masa ini tidak bercadang untuk melaksanakan kawalan harga sepanjang masa kecuali yang dilaksanakan ketika musim perayaan utama melalui penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP).

Bagaimanapun, katanya kementerian tidak teragak-agak untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas dengan membuat kawalan harga sepanjang masa jika harga di setiap rantai pengedaran ayam semakin meningkat dan tidak munasabah.

“Tindakan semasa adalah melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan harga ayam secara konsisten bagi memastikan tiada berlakunya sebarang manipulasi harga atau untung dalam kalangan peniaga melalui mekanisme kawalan yang dikuatkuasakan melalui perundangan antipencatutan,” katanya.

Menurut Nanta sejumlah 164 premis telah diperiksa oleh penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara hingga 14 Sept lepas melibatkan 166 jenis ayam meliputi ayam hidup, ayam standard dan ayam super.

Sejumlah 163 Notis Pengesahan Maklumat Barangan (NPMB) juga telah dikeluarkan kepada peniaga ayam yang diperiksa bagi tujuan mendapatkan maklumat terperinci berhubung kos operasi dan kos belian, katanya.

Nanta berkata setakat ini tiada perlakuan kartel dikesan terlibat di sebalik kenaikan harga ayam, namun KPDNHEP dengan kerjasama Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menyiasat di bawah perundangan yang dikuatkuasakan.

“KPDNHEP memahami kerugian yang dialami oleh pihak peniaga ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah menjejaskan perniagaan mereka.

“Namun peniaga di setiap rantaian bekalan ayam diingatkan untuk tidak mengambil tindakan drastik dengan menaikkan harga bagi menampung kerugian mereka. Orang tengah juga diingatkan untuk tidak mengambil kesempatan menekan peniaga dan pengguna,” katanya.

Menurut beliau KPDNHEP mengambil maklum permasalahan harga makanan ayam yang tinggi, yang mana kira-kira 80 peratus makanan ayam adalah diimport dan kenaikan harganya di peringkat global turut mempengaruhi isu harga ayam di pasaran negara.

Katanya KPDNHEP akan mengadakan perbincangan berterusan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk memastikan isu kos tinggi seperti dedak ayam diimport, harga baka ayam dan anak ayam yang mempengaruhi harga ayam di peringkat pengguna dapat diminimumkan dan diurus dengan baik.

Bagi mencari penyelesaian jangka panjang yang munasabah dan boleh dilaksanakan untuk menstabilkan harga ayam, Nanta berkata satu pertemuan dan perbincangan bersama MAFI dan Kementerian Kewangan (MOF) akan diadakan.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

Harga Ayam | Kementerian Kewangan teliti kaedah stabilkan harga



Kementerian Kewangan akan meneliti kaedah terbaik untuk menstabilkan harga ayam yang sedang meningkat ketika ini berikutan ketidaktentuan permintaan pasaran ekoran pembukaan semula beberapa sektor ekonomi.



19 SEP, 2021

MOF akan perhalusi kaedah terbaik stabilkan harga ayam

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

MOF akan perhalusi kaedah terbaik stabilkan harga ayam

KULAI: Kementerian Kewangan (MOF) akan memperhalusi kaedah menstabilkan harga ayam yang kini sedang meningkat naik agar ia dapat memberikan impak terbaik kepada pengguna dan penternak ayam di seluruh negara.

Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, usaha itu akan dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kerajaan sedar akan isu harga ayam yang meningkat naik, bagaimanapun segala keputusan dibuat perlu melihat dari segi impak kepada penternak dan semua pihak terlibat serta industri lain di dalam rantaian bekalan makanan, khususnya impak kepada pengguna, itu keutamaan kerajaan."

"Saya juga difahamkan MAFI menjangkakan kenaikan harga ayam ini hanya sementara akibat ketidakstabilan permintaan pasaran, susulan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi," katanya kepada pemberita selepas melawat Pusat Ternakan

Kelah di Asuko Genius Sdn Bhd, di sini semalam.

Sementara itu, beliau berkata pemberian subsidi kepada pengusaha dan penternak ayam akan dibincangkan terlebih dahulu dan buat waktu ini masih belum ada keputusan berhubung perkara tersebut.

Pada 11 Sept, Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid dilaporkan akan mengemukakan cadangan kepada MOF, untuk memberi subsidi kepada pengusaha ladang ayam di negara ini sebagai langkah mengawal kenaikan harga ayam.

Rosol dipetik sebagai berkata kenaikan harga ayam ketika ini dilaporkan berpunca daripada peningkatan harga komponen makanan ayam iaitu soya dan jagung yang diimport sepenuhnya, dan memberi kesan kepada penternak ayam tempatan.

Dalam perkembangan lain, Tengku Zafrul berkata Belanjawan 2022 dijangka lebih memberi perhatian kepada perkembangan industri pertanian dan penternakan, kerana berdasarkan potensi sedia ada dan matlamat untuk memperkasa inisiatif jaminan makanan atau 'food security'.

"Jaminan makanan dilihat antara elemen yang dipentingkan dalam Pakej Rangsangan dan juga Belanjawan 2021. Kali ini ia akan tetap diberi keutamaan bagi membina asas untuk penambahbaikan agar kita tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka panjang," katanya.

Tengku Zafrul berkata, alternatif untuk menaikkan industri pertanian itu juga dilihat sebagai kesinambungan belanjawan tahun lalu, sekiranya peruntukan yang telah dibelanjakan.

"Secara keseluruhannya, melalui pakej-pakej rangsangan dan bajet 2021 sebanyak RM3.15 billion diperuntukan untuk sektor pertanian dan sebanyak RM1.75 billion telah berjaya disalurkan kepada peladang, penternak dan nelayan, untuk projek-projek berkaitan pertanian."

"Projek-projek telah dilaksanakan termasuk yang berkaitan logistik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kemudahan mikro kredit di bawah Agrobank dan projek-projek negeri termasuk di negeri Johor," katanya. — Bernama



FOKUS: Nur Nabila bersama Fatin (kiri) menyukat jumlah air proses penyayuan telur ikan kelah ketika lawatan Jelajah Sempena Penyediaan Bajet 2022 di ternakan Ikan kelah Asuko Genius Sdn Bhd Kulai Johor, Kulai, semalam. — Utusan Borneo



19 SEP, 2021

MOF akan perhalusi kaedah terbaik stabilkan harga ayam

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KULAI: Kementerian Kewangan (MOF) akan memperhalusi kaedah menstabilkan harga ayam yang kini sedang meningkat naik agar ia dapat memberikan impak terbaik kepada pengguna dan penternak ayam di seluruh negara. Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, usaha itu akan dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAPI).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

MOF TO STUDY BEST METHOD TO STABILISE CHIC



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	HARIAN METRO	LOKAL	13

Bincang solusi terbaik stabilkan harga ayam di pasaran

Kulai: Kementerian Kewangan akan mencari kaedah terbaik bagi menstabilkan harga ayam di pasaran termasuk melihat sama ada sistem subsidi kepada penternak perlu dilaksanakan.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, kement-

rian akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) bagi meneliti secara menyeluruh impak kepada penternak ayam dan pengguna.

"Kerajaan sedar isu harga ayam yang meningkat menjadi rungutan masyarakat.

Apa-apa keputusan yang mahu dilaksanakan perlu dilihat dari segi impak terhadap penternak

selain semua pihak terbabit dalam rantaian industri makanan dan yang paling penting sekali adalah impak kepada pengguna, itu adalah keutamaan kerajaan.

"Kita akan bincang lihat dahulu sebelum melaksanakan apa-apa langkah (sistem subsidi) sebabnya saya difahamkan, Mafi menjangkakan kenaikan ini (harga ayam) adalah sementara, berikutan ketidakpastian apabila kita buka semula ekonomi kita," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat ternakan ikan kelah di Bukit Batu di sini, semalam.

Minggu lalu, KPDNHEP bercadang melaksanakan sistem subsidi kepada pengusaha ladang ayam terbesar bagi mengawal kenaikan harga ayam di seluruh negara.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid, dilaporkan berkata, subsidi harga itu akan diberikan kepada 20 pengusaha

ladang ayam di tiga negeri iaitu Johor, Negeri Sembilan dan Perak, yang mengeluarkan 80 peratus bekalan ke seluruh negara.

Kelmarin, Menteri PD-NHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, pihaknya akan membabitkan Kementerian Kewangan dalam mencari penyelesaian yang boleh dilaksanakan kerajaan sebagai langkah proaktif menstabilkan harga ayam untuk jangka masa panjang.

Kenaikan harga ayam dikenal pasti berpunca daripada beberapa faktor termasuk harga makanan ayam yang dikatakan meningkat (komponen makanan ayam seperti jagung dan soya) yang diimport dari luar negara).

Purata harga ayam yang dijual di pasar basah sejak kenaikan harga ayam bermula awal bulan ini ialah pada harga RM9 hingga RM10.50 sekilogram manakala harga paling tinggi dijual pada harga RM11 sekilogram.



"Kita akan bincang lihat dahulu sebelum melaksanakan apa-apa langkah"
Tengku Zafrul

19/9/2021

BERITA
HARIAN
AHAD

NASIONAL

4

MOF cari kaedah terbaik stabilkan harga ayam

Perbincangan lebih mendalam teliti impak kepada pengguna, penternak

Oleh Mohamed Farid Noh
dan Balqis Jazimah Zahari
bhnews@bh.com.my

Kulai: Kementerian Kewangan (MOF) akan mencari kaedah terbaik bagi menstabilkan harga ayam di pasaran, termasuk melibatkan sama ada sistem subsidi kepada penternak perlu dilaksanakan.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata MOF akan berbincang dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), bagi meneliti secara menyeluruh impak kepada penternak ayam dan pengguna.

"Kerajaan sedar isu harga ayam yang meningkat menjadi runtuhan masyarakat

"Apa-apa keputusan yang mahu dilaksanakan perlu dilihat dari segi impak terhadap penternak, selain semua pihak terlibat dalam rantai industri makanan. Paling penting sekali adalah impak kepada pengguna, itu adalah keutamaan kerajaan.

"Kita akan bincang dahulu se-



Tengku Zafrul ketika melawat pusat ternakan ikan kelah di Bukit Batu, Kulai, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)

belum melaksanakan apa-apa

langkah. Saya difahamkan, MAFI menjangkakan kenaikan ini (harga ayam) adalah sementara, berikutan ketidakpastian apabila kita buka semula ekonomi kita," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pusat ternakan ikan kelah, A Suko Genius Sdn Bhd, di Bukit Batu, di sini, semalam.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, dilaporkan berkata pihaknya akan melaksanakan kawalan harga ayam jika ia terus meningkat di luar harga munasabah arat terdapat

kartel memanipulasi harga di se-

nan yang kompetitif. Ini kerana Johor penyumbang terbesar jaminan makanan negara," katanya.

Sementara itu, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Klandee, berkata perbincangan pelbagai Kementerian ini perlu bagi mencari penyelesaian jangka panjang dan jangka pendek berhubung kenaikan harga ayam.

"Kita perlu melihat faktor yang menyebabkan kenaikan harga, sama ada komponen bekalan makanan, termasuk yang diimport, tenaga kerja atau faktor lain.

"Perlu ada keseimbangan kos pengeluaran yang ditanggung pihak industri dan juga kos yang ditanggung rakyat," katanya.

MOF masih bincang isu harga ayam

Cari keputusan terbaik
stabilkan harga daging
ayam yang didakwa
meningkat dan gusarkan
pengguna

Oleh SHAFIQ TINO

KULAI

Kementerian Kewangan (MOF) masih dalam perbincangan untuk mendapatkan keputusan terbaik bagi menstabilkan semula harga ayam yang didakwa meningkat tinggi sejak kebelakangan ini.

Menterinya, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, pihaknya perlu melihat daripada pelbagai aspek termasuk kesan yang akan dialami oleh pihak berkaitan terlebih dahulu.

Beliau berkata, perbincangan tersebut juga termasuk keputusan sama ada perlunya untuk melaksanakan sistem subsidi kepada penternak.

"Kerajaan sedar mengenai harga ayam yang meningkat naik dan kini bersama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

"Kami akan bincang dan lihat dahulu sebelum melaksanakan

MAFI saran ditubuhkan badan khas

CAMERON HIGHLANDS

- Kewujudan satu badan khas bagi memantau dan menangani isu kenaikan harga ayam di pasaran tempatan perlu direalisasikan.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Seri Ronald Kiang berkata, perbincangan menyeluruh akan dibuat bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk memastikan perkara itu dapat dilaksanakan secara sistematik dan berkesan.

"Bagi kita, badan khas itu lebih kepada bidang kuasa KPDNHEP selaku kementerian yang bertindak terhadap kenaikan harga (barangan).

"Di pihak MAFI, kita me-

nyambut baik sebarang perbincangan (penyelesaian) kerana pendirian kita, kos pengeluaran (makanan ayam) ditanggung pihak industri dan kos (harga ayam) sepatutnya dikenakan kepada rakyat perlu seimbang," katanya selepas melawat Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC), di Dewan Serbaguna Kampung Raja di sini pada Sabtu.

Ronald berkata, pihaknya berpendapat bantuan subsidi bagi menampung kos pengimportan dan komponen makanan ternakan juga antara mekanisme yang mampu memberi kesan positif dalam menstabilkan semula kenaikan harga ayam di pasaran. - *Bernama*

langkah (sistem subsidi) terbaik. Keputusan perlu dilihat daripada pelbagai aspek iaitu impak kepada penternak, semua pihak terlibat dan industri lain bekalan makanan. Paling penting sekali adalah impak kepada pengguna," katanya mengulas isu berkaitan kenaikan harga ayam sempena lawatan kerja selama dua hari di Johor di sebuah pusat penternakan ikan kelah di Kulai, pada pagi Sabtu.

Sebelum ini, Menteri

KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan MOF selain MAFI bagi mencari penyelesaian jangka panjang munasabah terhadap isu harga ayam.

Tengku Zafrul berkata, pihaknya difahamkan kenaikan harga ayam yang berlaku ketika ini adalah kerana ketidaktentuan permintaan pasaran susulan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi.

Belanjawan 2022 fokus industri pertanian - Tengku Zafrul

KULAI - Belanjawan 2022 dijangka lebih memberi perhatian kepada perkembangan industri pertanian dan penternakan.

Menteri Kewangan, Senator Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, perkara itu dilihat berdasarkan potensi sedia ada industri pertanian negara dengan matlamat utama untuk memperkasa inisiatif jaminan makanan.

"Untuk Belanjawan 2022, kami mahu fokus kepada sektor pertanian terutama dari segi jaminan makanan. Ia salah satu elemen penting dalam Pakej Rangsangan dan Belanjawan 2021.

"Jaminan makanan dan sektor pertanian tetap diberi keutamaan bagi membina asas untuk penambahbaikan agar kita tidak terlalu bergantung kepada sumber makanan import untuk jangka (masa) panjang," katanya dalam sidang media sempena lawatan kerja dua hari ke Negeri Johor di sebuah pusat penternakan ikan kelah di Kulai pada Sabtu.

Tengku Zafrul berkata, alternatif menaikkan in-

dustri pertanian itu juga dilihat sebagai kesinambungan belanjawan tahun lalu selain jumlah peruntukan dibelanjakan.

"Keseluruhannya, melalui pakej rangsangan dan Bajet 2022, sebanyak RM3.15 bilion diperuntukkan untuk sektor pertanian dan sebanyak RM1.75 bilion berjaya disalurkan kepada peladang, penternak dan nelayan untuk projek-projek berkaitan pertanian.

"Projek-projek dilaksanakan termasuk yang berkaitan logistik semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kemudahan mikro kredit di bawah Agrobank dan projek-projek negeri termasuk di Johor," katanya.

Sempena lawatan berkenaan, Tengku Zafrul menzahirkan keterujaannya melihat potensi sedia ada negeri Johor dalam menaikkan industri pertanian sebagai industri utama janaan ekonomi negara.

"Ia sesuatu yang bagus, malah saya difahamkan usaha ini selaras dengan misi menjadikan Johor sebagai *food basket of Malaysia* bagi membangunkan industri agromakanan yang kompetitif," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MOKA
19/9/2021	MINGGUAN	DALAM	4
	MALAYSIA	NEGERI	SURAT

Bajet 2022 fokus pertanian

Oleh KHAIRUL MOHD. ALI
utusannews@mediamilla.com.my

KUALA: Sektor pertanian diberi keutamaan dalam Belanjawan 2022 bagi memastikan industri makanan negara tidak terfalu bergantung kepada sumber import dalam jangka panjang.

Menteri Kewangan, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, keputusan itu dibuat berdasarkan potensi sedia ada industri pertanian negara.

"Kita mahu menekankan fokus kepada sektor pertanian terutama daripada segi jaminan makanan, jika kita lihat ia adalah salah satu elemen utama dalam Pakej Rangsangan dan Belanjawan 2021.

"Jaminan makanan dan sektor pertanian tetap diberi keutamaan bagi membina asas untuk penambahbaikan agar kita tidak terfalu bergantung kepada sumber makanan import pada jangka panjang," katanya selepas melawat Pusat Ternakan Kelah di Asuko Genius Sdn. Bhd. di sini, semalam.

Tengku Zafrul memberitahu, usaha untuk meningkatkan lagi industri pertanian negara dilihat sebagai kesinambungan belanjawan tahun lalu melalui peruntukan yang telah disalurkan.

"Secara keseluruhan melalui pakej-pakej rangsangan dan Belanjawan 2021, RM3.15 billion diperuntukan untuk sektor pertanian yang mana RM1.75 billion telah disalurkan kepada peladang, penternak dan nelayan untuk projek-projek berkaitan pertanian.

"Projek-projek yang dilaksanakan termasuk berkaitan logistik se-



SEKTOR pertanian akan menjadi tumpuan utama pada Belanjawan 2022 dalam usaha negara untuk mengurangkan kebergantungan terhadap makanan import. - MINGGUAN/ZULHANIFA SIDEK

masa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kemudahan mikro kredit di bawah Agrobank dan projek-projek negeri lain termasuk di negeri Johor," ujarnya.

Sementara itu, dalam lawatan kerja dua hari beliau ke Johor, Tengku Zafrul turut menyata-

kan sokongan pihaknya kepada usaha kerajaan Johor untuk menjadi hab makanan negara.

"Saya difahamkan ini selaras dengan misi menjadikan Johor sebagai Food Basket of Malaysia melibatkan projek berskala besar serta berimpak tinggi," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

CPTPP: Subsidi dilarang, petani tempatan terjejas



Tanpa tarif dan kawalan import, petani, penternak dan nelayan Malaysia berkemungkinan besar tidak akan dapat bersaing dengan import produk pertanian dan makanan yang lebih murah dari negara-negara CPTPP lain. - GAMBAR HIASAN

AKHIR-AKHIR ini beberapa kumpulan perniagaan dan pihak tertentu dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri giat melobi pimpinan kerajaan agar Malaysia segera meratifikasi

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP).

Walaupun disebut sebagai perjanjian perdagangan, hanya enam daripada 30 bab dalam teks perjanjian adalah berkenaan perdagangan konvensional barangan manakala 24 bab lagi mengandungi peraturan dan syarat berkenaan hal bukan perdagangan seperti harta intelek, pelaburan, perolehan kerajaan, syarikat milik kerajaan, e-dagang, perkhidmatan, alam sekitar dan buruh.

Perjanjian ini akan memberi kesan yang mendalam kepada sosioekonomi dan sosiobudaya Malaysia serta akan menghalang Malaysia daripada memperkenalkan polisi-polisi baharu yang baik jika ia bercanggah dengan teks CPTPP.

Dalam konteks pertanian, penternakan dan perikanan, risikonya cukup besar memandangkan Malaysia bukanlah sebuah negara pengeksport utama agromakanan melainkan tanaman komoditi iaitu kelapa sawit.

Penghapusan subsidi

Walaupun CPTPP tidak mewajibkan negara anggota menghapuskan keseluruhan subsidi domestik dalam industri pertanian, ia mewajibkan penghapusan segala bentuk subsidi eksport produk-produk pertanian. Ini bermakna, program-program bantuan kerajaan kepada petani untuk mengeksport produk pertanian ke negara-negara anggota CPTPP tidak akan dapat dilaksanakan.

Dalam bab alam sekitar, teks CPTPP melarang subsidi diberikan kepada tangkapan spesies ikan tertentu. Walaupun larangan ini bertujuan melindungi jumlah spesies ikan tertentu yang semakin berkurangan kerana tangkapan berlebihan, perlu difahami bahawa punca kekurangan jumlah ikan disebabkan bot-bot nelayan besar dan asing yang menggunakan alat tangkapan yang menangkap ikan-ikan yang masih kecil dan memusnahkan habitat ikan seperti pukat tunda, rawa sorong, bubu naga dan bom. Larangan ini tidak praktikal malah bersifat tidak adil kepada nelayan pantai.

Pasaran tempatan terjejas

Pembangunan sektor pertanian seharusnya tidak hanya menumpukan kuantiti hasil pertanian tetapi juga mesti menjamin pendapatan yang tinggi kepada petani, penternak dan nelayan. Namun, jika Malaysia meratifikasi CPTPP, kita wajib menghapuskan 100 peratus tarif pada barangan import termasuk produk pertanian (dengan beberapa tempoh peralihan dan kuota kadar tarif untuk ayam dan telur).

Maka, Malaysia akan menghadapi peningkatan import produk pertanian daripada negara anggota CPTPP. Tarif import merupakan salah satu bentuk perlindungan kepada petani, penternak dan nelayan tempatan selain menjadi sumber pendapatan negara.

Selain tarif, kawalan import bukan tarif seperti kuota dan permit juga perlu dihapuskan bertujuan untuk memudahkan kemasukan produk asing daripada negara-negara anggota CPTPP. Tanpa tarif dan kawalan import, petani, penternak dan nelayan Malaysia berkemungkinan besar tidak akan dapat bersaing dengan import produk pertanian dan makanan yang lebih murah dari negara-negara CPTPP lain.

Akibatnya, rakyat kita kehilangan pendapatan dan akan ada pengurangan pengeluaran makanan Malaysia. Apabila Malaysia bergantung kepada import makanan, jaminan bekalan makanan negara akan terancam seperti yang kita lihat dalam situasi pandemik Covid-19 ketika beberapa negara menyekat eksport makanan. Malaysia pada ketika ini adalah negara pengimport makanan utama.

**Penulis merupakan seorang penyelidik, aktivis sosial dan koordinator Forum Kedaulatan Makanan Malaysia (FKMM). Beliau boleh dihubungi melalui nfitriamir@gmail.com.*

Penternak dari Pontian kerugian RM17,000

6 lembu ‘tumbang’ disambar petir

Oleh MUHAMMAD ZIKRI

PONTIAN – Seorang penternak mengalami kerugian kira-kira RM17,000 apabila lembu ternakannya mati dipanah petir di sebuah ladang di Kampung Pak Khalib, Pekan Nanas, di sini pada Khamis lalu.

Enam ekor haiwan peliharaan Abdul Samad Samiran, 48, itu ditemui bergelimpangan di ladang tersebut pada pukul 3 petang.

Menurut Abdul Samad, kejadian itu melibatkan lima ekor lembu betina dan seekor anak lembu jantan.



ABDUL SAMAD melihat sebahagian lembu ternakannya yang mati akibat dipanah petir di Pontian pada Khamis lalu.

“Ini merupakan kejadian yang pertama ke atas haiwan saya sejak enam tahun mengusahakan ternakan haiwan ini. Saya bersyukur sekurang-kurangnya 40 ekor lembu lagi terselamat,” katanya ketika ditemui semalam.

“Cerita lelaki itu, semasa kejadian, kawasan tersebut dilanda hujan lebat berserta petir.

Sebaik hujan reda, lelaki itu kemudian pergi ke ladangnya untuk melihat haiwan ternakannya sebelum mendapati enam ekor lembu tumbang.

Sebelum menceburi bidang ternakan lembu, Abdul Samad merupakan penternak madu

kelulut dan pernah menerima anugerah inovasi peringkat negeri dan kebangsaan pada 2017 anjuran Jabatan Pertanian.

Bercerita lanjut, Abdul Samad memberitahu, dia yang menerima bantuan baka lembu daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar berjumlah sembilan ekor tidak berputus asa dengan kejadian itu dan menganggap sebagai ujian sebagai penternak

“Saya akan meneruskan usaha menternak lembu selain bertindak sebagai tenaga penceramah dengan kerjasama Kolej Komuniti Tanjung Piai,” katanya.

AGRO

Oleh Hajar Umira Md Zaki
rencana@metro.com.my

Empat tahun mencari rezeki di negara asing, usahawan berusia 36 tahun ini mengambil keputusan untuk mengubah kerjayanya kepada penanaman 'buah syurga' atau buah tin.

Mohamad Hafidz Arifin mengakui pada awalnya keluarga sukar untuk menerima keputusannya berhenti kerja demi mengusahakan ladang.

"Bagaimanapun, kini mereka antara insan yang paling banyak memberi sokongan kepada saya untuk terus berjaya," katanya ketika dihubungi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bapa kepada dua cahaya mata itu berkata, bidang pertanian adalah hobinya, namun dek kerana kekangan masa, baharu kini dia mampu

merealisasikan sebagai satu pekerjaan hakiki.

"Kerjaya sekarang ini menenangkan, tetapi saya dapat mencapai kepuasan yang tidak pernah saya rasa sebelum ini.

"Malah, jika diberi peluang untuk kembali bekerja seperti dulu, saya lebih memilih kehidupan sekarang.

"Kalau dulu saya bekerja untuk orang. Tapi, sekarang saya sendiri dapat mengambil pekerja untuk sama-sama mengusahakan ladang buah tin ini," katanya yang pernah bekerja di Dubai dan Iraq.

Berkongsi pengalaman sebelum ini, Mohamad Hafidz berkata, dia jarang mengambil masa peribadi untuk menikmati keindahan alam sebelum menceburi bidang pertanian.

"Sekarang ini, saya dapat mengambil masa melihat langit sambil memetik buah-buah di ladang.

"Kami mempunyai lebih 1,200 pokok buah tin di Felda

NIKMAT PETIK 'BUAH SYURGA' SETIAP HARI

Capai kepuasan lihat ladang tanaman
mengeluarkan buah tin yang segar



*SEBAHAGIAN daripada pokok tin yang ditanam di ladang di Felda Sungai Tinggi Selatan



PEKERJA di ladang buah tin milik Mohamad Hafidz

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	METRO AHAD	XPRESI	37



ANJARA buah tin yang dituai sedia untuk dijual



Sungai Tengi Selatan, Kuala Kubu Bharu, Selangor yang mampu mengeluarkan 20 hingga 35 kilogram buah sehari," katanya.

Malah, menurutnya, dia seronok melihat hasil tahumannya itu mengeluarkan buah yang segar dan memberikan khasiat baik kepada manusia.

Mohamad Hafidz mengakui modal yang dikeluarkan bagi mengusahakan ladang buah tin ini agak tinggi dan terlalu peribadi untuk dikongsi.

Pada masa sama, dia turut tidak lokek berkongsi pengetahuannya bahawa perusahaan ladang buah tin ini antara satu cabang baharu di Malaysia. Malah, tidak ramai peladang di negara ini mengusahakan penanaman buah berkenaan.

"Bagaimanapun, sekarang kami tidak perlu risau lagi kerana ladang berada dalam rumah hijau dan dilindungi daripada cuaca dan serangan perosak.

"Malah, di Malaysia kita mampu untuk memetik buah tin setiap hari kerana cuaca yang panas dan sesuai dengan pertumbuhannya," katanya.

Mengimbau kembali katanya, dia mula mengusahakan ladang buah

Bagaimanapun, sekarang kami tidak perlu risau lagi kerana ladang berada dalam rumah hijau dan dilindungi daripada cuaca dan serangan perosak

MOHAMAD HAFIDZ

tin di Janda Baik, Pahang pada 2018. Kemudian, membuka sebuah lagi ladang di Felda Sungai Tengi Selatan pada 2019 yang mempunyai keluasan tiga per empat ekar dan tiga rumah hijau. Mohamad Hafidz berkata, ladang di Felda Sungai Tengi Selatan bakal dibuka bagi agropelancongan selepas tamat PKP kelak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/9/2021	BERITA HARIAN AHAD	PERSPEKTIF	28

Ikan berlaga di alam maya

Pamer aksi unik, aneka warna spesies ikan laga liar

Oleh Jamiah Sokri dan
Tuty Haryanti Ahmad Rodzi

BERITA HARIAN

Bertubuh kecil mungil, beraneka warna cerah, berkilau seperti hinggap, itulah ekor mengkilap herring ketika berenang dalam tangkanya. Mendidarkan raiit menyaksikan gelagatnya.

Ikan yang memikat hati ikan laga atau nama saintifiknya betta, sebagai spesies ikan hiasan yang sentiasa mempunyai hali penambat dek kerana kecantikannya.

Kecantikan warna, saiz dan bentuk ekor ini juga menjadikan herring sebagai ikan hiasan yang popular dalam pertandingan untuk memikat pating carik dan ahli penampan herring.

Pertandingan ini membolehkan peniliknya menguji kecekatan tangkanya kerana herring ini mempunyai kemampuan untuk melompat.

Justeru, sepanjang sambutan COVID-19 ini, pertandingan ikan laga yang lazimnya diadakan secara fizikal diabaikan pula secara dalam talian.

Pertandingan ini membolehkan peniliknya menguji kecekatan tangkanya kerana herring ini mempunyai kemampuan untuk melompat.

Harapan sambutan hangat

Pertandingan King of the Betta Competition 2021, Zulkaidi Zulkifli akan diadakan sebagai 10 Betta dalam kalangan penampan ikan laga. Berikutan sambutan karut dan Pergerakan IPKIP tidak mengizinkan pengumpulan secara maya bagi herring, diwujudkan pertandingan ini.

Sepuluh pertandingan secara fizikal diadakan di Kompleks Petrus, Kuala Lumpur. Herring ini akan berpacu dalam pertandingan ini.

Herring ini akan berpacu dalam pertandingan ini. Herring ini akan berpacu dalam pertandingan ini. Herring ini akan berpacu dalam pertandingan ini.

Kategori ikan yang dipertandingkan adalah kategori spesies ikan laga betta atau ikan laga liar yang liar.

Selain itu berikutan kategori ikan laga



Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.



Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

Kategori ikan laga betta (Siakam) yang dipertandingkan dalam pertandingan ini.

19/9/2021

BERITA
HARIAN
AHAD

PERSPEKTIF

29

Pertandingan ikan hiasan adalah aktiviti sihat dan digalakkan dalam usaha mengembangkan lagi industri perikanan.

Melalui pertandingan, bukan sahaja dapat mempamerkan kecantikan ikan hiasan, malah ia sebagai platform untuk menarik minat penggemar baru.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly, ikan hiasan mempunyai nilai yang tinggi untuk pasaran domestik dan eksport.

Penggemarnya dapat memanfaatkan bidang ternakan ikan hiasan untuk menjana pendapatan.

Melalui pertandingan, pasaran ikan hiasan dapat diperluaskan untuk ternakan dan industri sokongan kepada ikan hiasan seperti peralatan ternakan dan hiasan akuarium.

"Ini perkembangan baik dengan adanya pertandingan ikan hiasan dari jenis betta, guppy, emas dan lain-lain dianjurkan persatuan ikan hiasan di pelbagai peringkat."

"Jabatan Perikanan juga terbabit secara langsung dengan persatuan ikan hiasan terutama melalui Pejabat Perikanan Negeri di dalam menganjurkan pertandingan."

"Sebelum penularan COVID-19, hampir setiap minggu terdapat pertandingan ikan betta sama ada secara kecil-kecilan dianjurkan persatuan di seluruh negara."

"Ia mampu menarik minat lebih 1,500 penyertaan daripada penggemar ikan hiasan, sekali gus dapat memperagakan kecantikan ikan hiasan bagi tujuan keseronokan mahupun prestij, selain mengembangkan pasaran ternakan mereka," katanya.

Pertandingan secara maya

Walaupun penganjuran pertandingan ketika PKP agak terbatas dengan sekatan terhadap aktiviti yang membolehkan perhimpunan beramai-ramai, namun ia diadakan secara maya.

Platform tarik minat penggemar baru

▲ Pasaran ikan hiasan dapat diperluaskan untuk ternakan dan industri sokongan kepada ikan hiasan.

Jika sebelum COVID-19, hampir setiap minggu pertandingan diadakan, namun ketika PKP, dianjurkan dua bulan sekali.

Dari segi penyertaan dilihat berkurangan berikutan aspek penghakiman agak sukar dibuat dengan sempurna tanpa dapat melihat fizikal ikan hiasan dipertandingkan.

lana pendapatan

Beliau berkata, penternakan ikan hiasan terutamanya ikan laga mampu menjana pendapatan.

Justeru, ternakan ikan laga dan ikan hiasan lain membabitkan golongan belia dan suri rumah dapat membantu dan meringankan masalah ekonomi yang dihadapi.

Pada 2019, konsep ternakan Aqua

Bijou diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan.

Konsep ini bukan sepenuhnya konsep baru tetapi diperkemas dan dimantapkan dalam usaha mengetengahkan ikan hiasan sebagai punca pendapatan.

Aqua Bijou berkonsepkan mudah ternak, modal rendah, tempoh singkat, skala kecil, nilai tinggi dan pulangan cepat melalui ternakan ikan hiasan seperti betta, guppy, udang hiasan dan tumbuhan akuatik.

Ramai pengusaha berjaya melalui konsep ternakan ini sejak



Ahmad Tarmidzi

ia diperkenalkan.

Beliau berkata, kira-kira 75 hingga 80 peratus dari jumlah pengeluaran ikan hiasan domestik adalah antara RM250 juta hingga RM300 juta.

Kawasan pengeluaran utama ikan hiasan negara bertumpu di Johor dan Perak dengan masing-masing menyumbangkan 77 peratus dan 22 peratus dari jumlah

pengeluaran ikan hiasan negara. Nilai eksport ikan hiasan mencatat peningkatan iaitu RM58.5 juta pada 2016 kepada RM72.7 juta pada 2018.

Emosi ikan terganggu bertukar warna pucat

Dari muka 28

Bagi kategori ikan laga liar hibrid dimenangi oleh peserta dari Johor, Lim Chee Heng. Bagi kategori ini mereka menerima wang tunai RM350 dan trofi.

Bagi kategori bujur sirih juga dimenangi Chee Heng manakala kategori ekor bulat dimenangi oleh Mohammad Kamil Fahmi Zolkeply, dari Sungai Petani. Kategori ini mereka menerima wang tunai RM150.

Zulfadzly berkata, pertandingan secara dalam talian lebih mudah berbanding fizikal.

Ini kerana emosi ikan berkenaan tidak terganggu berikutan pemilik hanya perlu menghantar video.

"Jika pertandingan secara fizikal, ikan perlu ditempatkan di lokasi pertandingan sekurang-kurangnya dua hari lebih awal."

"Ini bertujuan menstabilkan emosi ikan yang terganggu selepas dibawa dari rumah ke lokasi terutama yang jarak perjalanan jauh."

"Apabila emosi terganggu, ia boleh menyebabkannya bertukar warna pucat atau putih, enggan kembang dengan cantik dan pelbagai lagi hingga menjaskan penyertaan."

▲ Lim Chee Heng bersama koleksi ikan laga miliknya.

Mohammad Kamil dan isteri, trofi dimenangi dalam pertandingan Wild Beta Competition 2021 baru-baru ini.



"Secara dalam talian, emosi ikan tidak terganggu dan boleh beraksi dengan cemerlang," katanya.

Dapat memulakan bahari

Bagi Chee Heng, 26, yang merangkul kemenangan bagi kategori ikan laga liar hibrid dan ikan laga hibrid kategori ekor bujur sirih, menganggap pertandingan ini sesuatu yang baharu kerana diadakan secara maya.

Banyak pengalaman dan ilmu diperoleh menerusi pertandingan ini.

"Rasi bertaloi kerana dapat mempamerkan ikan yang cantik untuk tatapan ramai. Sebagai penjual ikan hiasan, saya juga boleh mendapat pelanggan selepas ada yang melihat pertandingan ini."

"Saya suka ikan laga sejak zaman kanak-kanak sehingga menjadi hobi dan kini sumber pendapatan," katanya.

Sediakan video berkualiti

Bagi Mohammad Kamil yang sudah menyertai lebih daripada 100 pertandingan diadakan secara fizikal dan maya sejak 2019.

"Dalam keadaan sekarang, platform secara maya menjadi pilihan kerana

lebih mudah apabila peserta hanya perlu mengambil video dan menghantar kepada penganjur."

"Selepas itu pertandingan diadakan secara langsung menerusi Facebook dan pengadil akan memaklumkan terus keadaan ikan itu, apa tidak betul, mengapa boleh menang atau tidak layak menang dan lain-lain."

"Jadi kita dapat belajar banyak perkara mengenai ikan laga dan spesifikasinya sekali gus dapat memperbaiki kelemahan dalam pertandingan akan datang," katanya.

Bagaimanapun, perbezaan pertandingan secara fizikal pula pengadil tidak berkesempatan mengadili dengan terperinci setiap ikan kerana kekangan waktu. Selain itu, video yang dihantar mesti cantik dan jelas. Bukan mudah mengambil video menarik kerana ia bergantung kepada emosi ikan.

Minatnya terhadap ikan laga bermula sejak empat tahun dan mendapati kebanyakan ikan dijual adalah spesies hibrid.

"Jadi saya jual ikan laga liar dan sanggup masuk ke bendang dan kawasan paya nipah untuk mencari sendiri kerana warnanya yang lebih berkilau," katanya.

Off-season durian windfall for Orang Asli farmers

MOHD RAFI MAMAT
KUALA LIPIS (Pahang)
news@nst.com.my

FORTUNE is smiling on Orang Asli farmers in several villages in Pos Titom here as their durian trees are producing many fruits of late.

Between 600kg and 1,000kg of the durians are collected daily to be sold to wholesalers, who travel to the villages.

Fruit supplier Asun Salleh, 29, said the durians began dropping from the trees last week, prompting wholesalers to get them.

He said four-wheel-drive vehicles that came to pick up the durians had to travel between two and three hours to reach the villages.

If it rained, Asun said, the wholesalers would have to spend the night in the jungle because of the slippery road and fallen trees blocking their path.

He said he bought the durians from growers for RM2 to RM3 per kg and sold them to wholesalers at RM3.50 to RM4 per kg, depending on quality and size.

"This year, the farmers are lucky as the durians ripened outside the season.

"This lets them earn more due to higher selling prices.

"Previously, durians were sold between RM0.50 and RM1 each due to oversupply," he said here yesterday.

Before this, he said, the presence of tourists at Pos Titom allowed durian farmers to sell the fruit directly to them.

However, the Covid-19 movement restrictions prevent such visitors from entering the area, thus affecting business.

Asun said, apart from durian, the villagers also sold forest products, such as the perah fruit, which is currently fruiting a lot.

He said the fruit was sold between RM1 and RM2 per kg.

Asun said Pos Titom's durians would end its fruiting by month end.

"There is only the kampung type of durians in the villages here.

"Residents do not plant cloned variants because of the high price of their seeds and difficulty in getting them," said Asun.



Orang Asli Development Department officer Azizah Abdul Majid showing ripe durians at a village in Pos Titom in Kuala Lipis yesterday. PIC BY MOHD RAFI MAMAT